

▼07/08/17-07MST
CNSB418
U GB 07-08 00178 BH158
AAB

Mahathir - Media

MAHATHIR SARAN MEDIA TEMPATAN GUNAKAN AGENSI BERITA SERANTAU
KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya media tempatan menggunakan perkhidmatan agensi berita serantau seperti Bernama secara meluas kerana laporan mereka tidak berat sebelah.

Beliau berkata, media tempatan, khususnya media cetak, perlu menggunakan berita daripada agensi-agensi berita serantau kerana laporan agensi berita asing berat sebelah dengan memihak kepada Barat.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-40 di sini, Dr Mahathir berkata, kebanyakan media asing yang menyiarkan laporan mengenai perkembangan di negara membangun dikuasai orang Barat.

"Media asing selalunya mengkritik kita kononnya kita menguasai akhbar dalam negara tetapi sebenarnya mereka ini (media asing) dikuasai negara Barat.

"Semua media antarabangsa adalah di bawah tangan mereka. Jadi bila mereka menguasainya, mereka membuat laporan yang berat sebelah," kata beliau.

Terdahulu, Dr Mahathir memberi contoh bagaimana beberapa media asing telah melaporkan bahawa tujuan beliau merasmikan Perhimpunan Agung MCA baru-baru ini ialah untuk mengesahkan pemimpin MCA. -- lagi.

▼07/08/14-19MST
U GB 07-08 00189 BH169
AAB

Mahathir - Media 2 Kuala Lumpur

"Mereka tahu dengan komen ini, mereka memberi peluru kepada parti lawan dan orang Cina untuk menyerang MCA. Dengan ini, mereka berharap perpaduan parti dan perpaduan kaum dalam BN akan terjejas," kata beliau.

Dr Mahathir berkata: "Mereka kecewa kerana negara kita aman dan stabil dan kita dapat membangunkan negara dengan pesat. Mereka suka jika kita dilanda rusuhan kaum yang hebat".

Perdana Menteri berkata, melalui cara itu, mereka (negara Barat) dapat memuaskan keangkuhan nafsu mereka yang sentiasa berperasaan bahawa mereka ialah golongan yang lebih baik dan lebih tahu tentang politik di mana-mana sahaja.

"Kepada mereka saya akan berkata, lihatlah pada diri sendiri terlebih dulu. Anda kurang sempurna daripada kami. Dalam banyak perkara anda masih bersifat perkauman. Anda suka membuat komen mengenai orang lain tetapi bila orang lain membuat komen mengenai tingkah-laku anda, anda menuduh mereka kononnya terlalu sensitif. Pada hakikatnya andalah yang sensitif dan tidak toleran," katanya.

Ketika ditanya sama ada motif sesetengah media asing melaporkan berita berat sebelah mengenai Malaysia ialah untuk "menghancurkan" ekonomi negara, Dr Mahathir berkata, itu mungkin benar. -- lagi.

▼07/08/15-32MST

CN88450

U GB 07-08 00170 BH170

AAH

Mahathir - Media 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Kata beliau, terdapat beberapa majalah ekonomi yang dikuasai pihak barat melaporkan berita-berita mengenai Malaysia yang mengelirukan pembacanya.

"Sebab itu, pembacanya yang terdiri daripada orang barat terkeliru dan tidak mengambil peluang yang ada di Malaysia kerana mereka baca laporan yang tidak tepat, laporan yang berat sebelah yang memburukkan kita," katanya.

Kata beliau, majalah ekonomi sedemikian sebenarnya boleh dianggap sebagai majalah politik.

"Kita tak minta supaya mereka selalu puji kita tetapi laporan mestilah berasaskan fakta," kata beliau.

Mengenai cadangan menjadikan Malaysia sebagai pusat media, Dr Mahathir berkata, ini tidak bermakna kerajaan boleh menguasai media berkenaan.

Perdana Menteri berkata, media asing boleh melapor dan menerbit laporan mereka di sini tetapi kerajaan tidak berniat untuk menguasai mereka.

Dr Mahathir juga menyambut baik kenyataan Star Television di Hong Kong yang dibeli jutawan media Australia, Rupert Murdoch baru-baru ini bahawa ia akan dijadikan media untuk mengeluarkan laporan yang tidak berat sebelah.

-- Bernama.

KS:KAM.